

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (44)
Tarikh : 31 Disember 2015

**Ketua Pengarang
Sinar Harian**

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR SINAR HARIAN BERTAJUK "LEBIH 40 TAHUN HIDUP
TANPA MYKAD" BERTARIKH 30 DISEMBER 2015, RABU – M.S: 41 (RANTAU PANJANG)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang oleh empat beradik iaitu Encik Zakaria, Encik Alias, Encik Abdullah dan Encik Fauzi yang masih belum memiliki dokumen pengenalan diri.

3. Untuk makluman, pihak JPN Daerah Pasir Mas, Kelantan telah hadir ke rumah Encik Zakaria bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan permasalahan yang dihadapi oleh mereka empat beradik. Pihak JPN dimaklumkan, mereka tidak didaftarkan kelahiran dan tidak pernah hadir ke JPN bagi menyelesaikan permasalahan mereka. Sehubungan dengan itu, JPN telah memberikan empat set borang permohonan Daftar Lewat Kelahiran untuk dilengkapi dan dikemukakan semula di pejabat JPN yang berdekatan.

4. Oleh yang demikian, JPN menyarankan agar keluarga Encik Zakaria, Encik Alias, Encik Abdullah dan Encik Fauzi dapat memberikan komitmen dan kerjasama dalam proses pendaftaran dokumen pengenalan diri mereka. Jabatan ini bersedia memproses permohonan pendaftaran lewat kelahiran mereka setelah semua dokumen dilengkapi dan dikemukakan untuk pengeluaran sijil kelahiran berdasarkan undang – undang sedia ada.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)